

ANGKASA mohon kelonggaran syarat

Kuala Lumpur: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) memohon agar Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (MOTAC) dapat melonggarkan syarat kepada koperasi untuk menjalankan aktiviti pelancongan.

Presidennya Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, adalah sudah mencukupi koperasi itu untuk menjadi entiti perniagaan tanpa melalui penubuhan anak syarikat.

"Buat masa ini, koperasi agak sukar untuk membabitkan diri dalam pelancongan sebagaimana terkandung dalam syarat permo-

honan Lesen Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembara (TOTBAB) bawah Akta Industri Pelancongan (AIP) 1992 kerana perlu menubuhkan anak syarikat.

"Jika tiada syarat itu, sudah semestinya koperasi tidak ketinggalan jika ada peluang perniagaan, sekali gus menjadi pemangkin pembangunan koperasi dalam bidang perniagaan dan keusahawanan profesional melalui sektor pelancongan menjelang 2020," katanya selepas majlis penyampaian sumbangan pendidikan utama oleh Koperasi Jaya Murni Wanita

Berhad kepada anak ahlinya yang berjaya bidang pelajaran, di sini, semalam.

Dalam majlis yang turut dihadiri Pengurus Koperasi Jaya Murni Wanita Berhad Armi Zainudin, seramai 12 anak anggota menerima sumbangan selepas menamatkan pengajian peringkat ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan doktor falsafah dengan cemerlang.

Abdul Fatah menyeru agar 13,428 koperasi yang ada di Malaysia setakat ini tidak hanya menjadikan dividen sebagai ukuran kejayaan sebuah koperasi, juga turut menyediakan sumbangan

pendidikan, kesihatan dan insurans kepada ahlinya.

"Perkara itu adalah penting untuk melestarikan pencapaian gerakan koperasi, selain dapat menyumbang kepada RM50 bilion perolehan dalam industri koperasi menjelang 2020.

"Selain itu, koperasi yang bersifat nasional juga perlu membuka keahlian secara menyeluruh kepada rakyat Malaysia terutama golongan dewasa yang berminat menjadi ahli koperasi sehingga membantu ANGKASA mencapai sasaran separuh rakyat dewasa akan menyertai koperasi," katanya.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia